

**Soalan No : 15**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHDAYA  
[ TASEK GELUGOR ]

**TARIKH :** 31.3.2015

**SOALAN :**

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [ Tasek Gelugor ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kedudukan terkini AUCMS yang merupakan sebuah universiti kolej swasta di Kepala Batas, Pulau Pinang dan apakah langkah-langkah yang diambil terutamanya pelan menyelamat pelajar dan tenaga pengajar serta kakitangan kolej tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) prihatin dan memandang serius permasalahan yang dihadapi oleh *Allianze University College of Medical Sciences* (AUCMS) yang telah menjaskankan kebajikan dan pengajian pelajar. Susulan kepada beberapa siri mesyuarat yang diadakan dengan semua pihak berkepentingan termasuk badan profesional, penaja serta pelajar dan ibu-bapa, Kementerian telah memutuskan untuk menempatkan kesemua pelajar ke institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) lain bagi memastikan penerusan pengajian mereka.

Proses pemetaan kurikulum oleh AUCMS bersama IPTS penerima telah dilaksanakan pada 10 dan 11 Oktober 2014 dan surat tawaran kepada

pelajar telah dikeluarkan oleh IPTS penerima pada 13 Oktober 2014. Pendaftaran pelajar ke IPTS penerima telah diadakan pada 15 Oktober 2014. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 31 Oktober 2014 juga telah memutuskan penempatan semula dibuat dengan memberi keutamaan kepada IPTS yang masih ada kekosongan kuota. IPTS juga diberi peluang untuk memohon kuota tambahan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh MMC.

Tanggungjawab KPM adalah melalui pengawalseliaan dan penguatkuasaan Akta 555 ke atas IPTS di mana IPTS dikehendaki menjaga kepentingan dan kebajikan pelajar. Namun, atas dasar prihatin, KPM turut memainkan peranan menyelia dan mengawasi IPTS dalam melaksanakan tanggungjawabnya ke atas pelajar. Kementerian akan terus membuat pemantauan rapi ke atas IPTS yang telah menerima bekas pelajar AUCMS bagi memastikan kepentingan dan kebajikan pelajar sentiasa diutamakan. Status AUCMS masih kekal sebagai sebuah IPTS bertaraf kolej universiti dan kini berada di peringkat rundingan dengan beberapa pihak yang berminat untuk mengambil alih hakmilik syarikat.

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN**  
**[INDERA MAHKOTA]**  
**TARIKH : 31 MAC 2015 [SELASA]**  
**SOALAN : 16**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa Kilang Lynas di Gebeng, Kuantan mengeluarkan khusus 'thorium' sebagai hampasan dan juga gas radon yang mana kedua-duanya mendatangkan bahaya kepada masyarakat. Apakah Kementerian memandang ringan risiko ini seperti perihal kilang 'rare-earths' di Bukit Merah, Perak pada satu ketika dahulu yang akhirnya ditutup disebabkan kesan negatif terhadap masyarakat.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Syarikat Lynas Malaysia Sdn. Bhd adalah sebuah kilang kimia yang menjalankan proses pengilangan bahan mentah pekatan lanthanid (*lanthanide concentrates*) yang dihasilkan melalui perlombongan.

Operasi kilang Lynas menghasilkan bahan nadir bumi, di samping menghasilkan residu *Water Leach Purification* (WLP) yang mengandungi bahan radioaktif semulajadi (*Naturally Occuring Radioactive Material*, NORM) dengan kepekatan aktiviti (*activity concentration*) yang **sangat rendah (very low level waste, VLLW)**.

Berdasarkan laporan kajian **Penilaian Impak Radiologi (RIA) 2014** yang **dijalankan oleh pihak syarikat**, kepekatan aktiviti radionuklid semulajadi (NORM) yang terkandung di dalam residu WLP adalah 0.12 Becquerel/ gram (Bq/g) bagi Uranium-238 (U-238) manakala 5.6 Becquerel/ gram (Bq/g) bagi Thorium-232 (Th-232). Bacaan ini menyamai sinaran radiasi latar belakang di Malaysia.

Mengenai gas Radon, ingin saya meklumkan bahawa penyepaian (*decay*) radionuklid Uranium-238 (U-238) ataupun Radium-226 (Ra-226) yang wujud secara semulajadi di dalam bahan seperti tanah, batu-batuan granit, air bawah tanah dan sebagainya boleh menghasilkan gas Radon. Oleh itu, penghasilan gas Radon daripada bahan mentah pekatan lantanid dan residu WLP oleh kilang Lynas ini adalah secara semulajadi seperitimana penghasilannya di tempat lain dan tidak membahayakan. Disamping itu, kepekatan gas Radon ini boleh dikawal melalui sistem pengudaraan yang baik.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sungguh pun risiko akibat sinaran yang terhasil daripada operasi kilang Lynas adalah sangat rendah, MOSTI melalui Jabatan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom sentiasa menjalankan pemantauan secara berterusan demi keselamatan dan kesihatan pekerja dan orang awam serta memelihara alam sekitar.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Akhir sekali ingin saya maklumkan bahawa tiada sebarang bukti saintifik menunjukkan bahawa operasi kilang 'rare-earths' di Bukit Merah, Perak memberi kesan negatif kepada masyarakat . Penutupan kilang tersebut **bukan** disebabkan kesan negatif terhadap masyarakat, sebaliknya adalah disebabkan pengilang tidak mampu meneruskan operasi di atas faktor ekonomi, persaingan pasaran dan kekurangan bahan mentah.

Sekian, terima kasih.